

Ekonomi: 'Serampang dua mata' akan dilaksanakan

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan akan melaksanakan strategi 'serampang dua mata' ke atas setiap keluaran negara bagi menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi.

"Strategi ini menyeluruh dan meliputi segala perusahaan yang ada kaitannya dengan ekonomi negara," tegas Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam.

Berucap merasmikan Mesyuarat Agung ke-7 Persatuan Pengusaha Kayu Kayan Bumiputera Malaysia di sini, Datuk Musa menjelaskan, strategi tersebut melibatkan pasaran antarabangsa dan dalam negeri.

Dalam hubungan ini, Datuk Musa menjelaskan Kerajaan akan terus mencari pasaran baru di peringkat antarabangsa selain dari meluaskan pasaran yang wujud.

Bagi pengeluaran berasaskan kayu kayan, kualiti eksport bahan-bahan tersebut akan ditingkatkan.

Misi dari rombongan mencari pasaran baru

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

dan atau meluaskan pasaran lama akan ditambah sepanjang 1983 dan 1984.

Dalam bulan November ini, satu rombongan antara 10 hingga 15 orang akan melawat ke negeri China untuk mencari pasaran, meluaskan pasaran yang ada dan meneruskan hubungan perniagaan yang sedia ada.

Rombongan yang diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan, Datuk Muhammad bin Jabli itu bertujuan mencari pasaran bagi bahan-bahan berasaskan kayu kayan, termasuk kayu balak dari Sabah dan Sarawak,

kayu bergegaji dan keluaran kayu kayan yang lain.

Datuk Musa Hitam berkata, perusahaan binaan di negeri China mempunyai potensi bagi keluaran kayu kayan di negara ini di masa akan datang.

Bagaimanapun, Datuk Musa berkata, selain dari meluaskan pasaran luar negeri, usaha memperhebatkan pasaran kayu kayan di dalam negeri serta penggunaan bahan-bahan pengeluaran berasaskan kayu kayan akan diperhebatkan, tegas beliau.

"Kita tidak seharusnya bergantung atau mengaitkan usaha kita mendapatkan pasaran antarabangsa sahaja, malahan inilah masanya kita mengambil kesempatan

memperhebatkan pasaran kayu kayan di dalam negeri," jelas Pemangku Perdana Menteri.

Datuk Musa menjelaskan, dalam strategi pembangunan ekonomi negara 1983/1984, perusahaan binaan akan diperhebatkan bagi kegunaan dalam negeri.

Datuk Musa mengakui bahawa kayu perusahaan kayu kayan negara di pasaran antarabangsa merosot jika dibandingkan dengan Petroleum, getah asli, bijeh dan kelapa sawit.

Pemangku Perdana Menteri berkata, masanya telah tiba bagi pengusaha-pengusaha kayu kayan di negara ini dan kaum Bumiputera khususnya, mengambil perhatian berat di atas pergolakan ekonomi dan penyesuaian strategi pembangunan negara yang akan menekankan industri binaan.

Terdahulu dari itu, Yang Dipertua Persatuan Pengusaha-pengusaha Kayu Kayan Bumiputera Malaysia, Tengku Arif Ben-

dahara Pahang, mencadangkan supaya Majlis Perhutanan Negara dengan kerjasama kerajaan negeri mengadakan dasar memberi peruntukan khas, sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keuntungan peruntukan tahunan kawasan

hutan yang hendak dieksplotasi kepada pengusaha Bumiputera.

Kerajaan Negeri Sembilan, ujarinya, telahpun memperuntukkan lebih dari 30 peratus kawasan hutan kepada pengusaha Bumiputera.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia